

## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**UTeM BERSOLIDARITI BERSAMA PALESTIN**

14 Disember 2023 (Khamis)


*Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM*

## **SALUTASI**

-Seperti di lampiran


1. Pertamanya, marilah kita melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul di **UTeM Bersolidariti bersama Palestin** pada malam ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran barisan panel penceramah iaitu **(Encik Ahmad Fedtri Yahya – Penerbit Eksekutif, Jabatan Pengisian Islam TV3) & (Ustaz Mohd Ashrof Lukman - Naib Presiden Haluan Malaysia)**, para mahasiswa, staf serta para

tetamu yang telah memberikan sokongan dan komitmen untuk menjayakan inisiatif murni ini.

- 
3. I also would like to welcome our international students from Palestine, UAE and other countries that I cannot mention one by one who are participating in our program tonight. Your presence is very meaningful in establishing a strong bond among us and further showing a strong solidarity between us regardless of nation and racial boundaries against the violence of the Israeli regime.
4. The gathering tonight should trigger a deep realization and awareness that we are so comfortable enjoying a peaceful and safe atmosphere, but 17,717 kilometers to the west of our country, in a corner of the

world known as the Gaza Peninsula, as many as 450,000 people are now living suffering and needing our help.

5. Today, we gather here not just as a university community, but as part of a caring and responsible global community. Solidarity is about understanding and supporting the struggles of others, even if they are thousands of kilometers away. This is about our humanity, about the universal values of justice and peace.



**Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,**

6. Di universiti ini, kita berada dalam kedudukan istimewa untuk memanfaatkan pendidikan dan penyelidikan kita dalam menangani isu global sebegini. Kita mempunyai sumber, kepakaran, dan yang paling penting, kebebasan intelektual untuk menyelami lebih dalam, memahami dengan lebih luas, dan menyebarkan pengetahuan tentang situasi di Palestin.


*Nelson Mandela pernah berkata "Pendidikan adalah senjata paling kuat yang dapat Anda gunakan untuk mengubah dunia.".*

7. Melalui pendidikan, kita boleh meningkatkan kesedaran dan membina empati terhadap mereka yang menderita akibat konflik dan

ketidakadilan. Di kampus kita, perbincangan, forum, dan kuliah dapat menjadi platform untuk membuka mata dan hati kita kepada realiti yang dihadapi oleh rakyat Palestin.

8. Kita juga mempunyai tanggungjawab untuk menggunakan kajian kita sebagai alat advokasi perubahan. Ini boleh dilaksanakan melalui penyelidikan tentang kesan konflik terhadap kesejahteraan manusia, analisis dasar antarabangsa, atau pembangunan solusi inovatif untuk masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat yang berada dalam konflik. Selaras dengan ajaran Islam, seperti dalam hadis Sahih Muslim yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri, Nabi Muhammad SAW bersabda:

*"Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya (melakukan tindakan). Jika tidak mampu, maka dengan lisannya (berbicara atau menasihati). Jika tidak mampu juga, maka dengan hatinya (membenci dan menolak dalam hati), dan itu adalah selemah-lemah iman."*

- 
9. Hadis tersebut mengingatkan kita tentang kepentingan bertindak, berkata-kata, dan berniat dalam menghadapi ketidakadilan. Kita berada dalam kedudukan untuk mempengaruhi pendapat umum dan dasar melalui advokasi dan aktivisme. Kita boleh bekerjasama dengan organisasi bukan kerajaan, mengadakan acara pengumpulan dana,

dan terlibat dalam kempen kesedaran yang membantu menyokong rakyat Palestin.

10. Bagi pihak UTeM, ingin saya maklumkan bahawa kita telah melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai tanda kebersamaan kita bersama Palestin seperti **Pelancaran serta Sumbangan Tabung Kemanusiaan Palestin, Sumbangan Tunai kepada Pelajar Palestin UTeM, Khutbah Jumaat berkaitan Solidariti Palestin, Pertandingan Bola Sepak Amal Untukmu Palestin disamping Program UTeM Bersolidariti Bersama Palestin** ini sendiri.

**Hadirin sekalian,**

11. Solidariti kita pada hari ini juga menuntut kita mengambil ibrah dari apa yang berlaku disana. Di universiti kita yang tercinta ini, janganlah pula kita melazimi sifat kejam israel laknatullah. Sama-sama kita bentuk diri jadi manusia yang empati apatah lagi kita semua warga universiti yang muslim.

12. Sama-samalah kita mengambil iktibar dari kata-kata buya hamka iaitu

جامعة ملaka تيكنيكال ماليزيا اونิفرسيتي

*“Janganlah engkau zalim, sebab zalim itu kegelapan di hari kiamat. Dan janganlah engkau membiarkan dirimu dizalimi, sebab itu adalah kelemahan.”*

13. Bersyukurlah dengan kedamaian yang kita kecapi. Semangat solidariti kita pada hari ini melambangkan kita kuat bersama. Begitulah jua perjuangan kita bersama UTeM, semangat cintakan UTeM yang kuat inilah menjadikan UTeM terus utuh menjuarai arena pendidikan. Bak kata peribahasa “Tak roboh dek hujan, tak lekang dek panas”

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

14. Kesimpulannya, Isu Palestin bukan hanya sejarah panjang perjuangan, tetapi juga cerminan kepada cabaran global kita dalam menghadapi ketidakadilan dan penindasan. Sebagai institusi pendidikan, tanggungjawab kita tidak hanya menghasilkan graduan

yang cemerlang secara akademik, tetapi juga individu yang peka dan responsif terhadap isu-isu global.

15. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Pusat Islam, Jawatankuasa Masjid Sayyidina Abu Bakar, NGO Haluan Malaysia, UGlobe, Penerbit Universiti, Pejabat TNC HEPA, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Kelab BADAR, Kelab Kasawari, Kelab AMQAR, dan Kumpulan D'Moment atas usaha gigih mereka dalam menganjurkan program ini.
16. Akhir kata, marilah kita semua menyatukan hati dan tindakan kita dalam solidariti bersama Palestin. Terima kasih kerana memberi

komitmen, masa, dan tenaga anda untuk menjadi sebahagian dari perubahan positif ini.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

